



Dr Mahathir tiba di padang SMK Sungai Koyan ketika hadir pada majlis ramah mesra sempena PRK Cameron Highlands di Felda Sungai Koyan 3, Lipis, semalam.

# 'Najib cuba raih simpati dapatkan sokongan rakyat'

➔ Usaha timbulkan persepsi bahawa diri tak bersalah: Dr Mahathir

Oleh TN Alagesh, Nik Sukry Ramli dan Nasaruddin Mohd Parzi  
cnews@nstp.com.my

↳ Lipis

**T**un Dr Mahathir Mohamad menyifatkan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, hanya mencari simpati bagi mendapatkan semula sokongan rakyat selepas berdepan pelbagai tuduhan di mahkamah.

Perdana Menteri berkata, tindakan Ahli Parlimen Pekan itu tidak lebih daripada antara usaha menimbulkan persepsi dalam kalangan masyarakat kononnya beliau tidak bersalah.

"Kita (Kerajaan Persekutuan) memberi banyak kelonggaran kepada beliau (Najib). Zaman beliau dulu, belum charge (dakwa) apa-apa (di mahkamah) sudah kena pakai baju oren ma-

cam (Datuk Seri) Shafie Apdal, belum kena tuduh (di mahkamah) pun sudah kena pakai baju oren.

"Tapi Najib sudah kena charge (dakwa) di mahkamah pun masih bebas dan (buat) cerita macam-macam untuk cari sokongan.

### Tak boleh dipercayai

"Fikir dan tengoklah, orang macam ini boleh percaya ke? Curi duit dan beliau tidak boleh nafikan yang beliau curi duit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Sultan Haji Ahmad Shah di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH), menyampaikan ucapan di hadapan ribuan hadirin dalam program Membangun Bersama Harapan di Dataran Sungai Koyan 1 di sini, sempena kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands.

Mengulas mengenai pemilihan M Manogaran sebagai calon PH yang dikatakan tidak sesuai memandangkan majoriti pengundi di Parlimen itu adalah Melayu, Dr Mahathir berkata, faktor calon bukan penentu sokongan.

"Majoriti pengundi adalah Bumiputera. Kadang-kadang di



tempat lain, orang India pun sokong Melayu dan di sini, Melayu pun boleh sokong orang India.

"Bagi PH, pemilihan beliau tepat dan kami di belakang beliau.

"Kita (PH) ada harapan dan kita harap dapat sokongan orang Sungai Koyan dan Cameron Highlands. Insha-Allah, kita akan lakukan yang terbaik," katanya.

Dalam ucapannya sebelum itu, Dr Mahathir berkongsi kisah mengenai satu-satunya bintang kebesaran yang menjadi minatnya.

"Bintang kebesaran yang paling saya minati ialah KSM iaitu Kerja Sampai Mati," kata Perdana Menteri dalam nada berseloroh sambil disambut sora-kanda hadirin.

Dr Mahathir yang menjadi Perdana Menteri buat kali kedua pada 10 Mei tahun lalu, turut berikrar terus memperbetulkan keadaan dalam negara selagi ada hayat untuk berbuat demikian.

Menegaskan beliau berkhidmat bukan kerana duit, Dr Mahathir berkata, apa yang dilakukannya adalah kerana sayang kepada negara.

### Berkhidmat kepada rakyat

"Ini negara kita, kita dilahirkan di sini, dibesarkan di sini, berkahwin di sini, dapat anak di sini dan anak kita dapat banyak manfaat daripada negara ini.

"Tak sayangnya kita kepada negara kita ini?" katanya.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng; Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Mohamad Sabu dan calon PH, M Manogaran.

Pada usia yang kini mencecah 93 tahun, Dr Mahathir berkata, darjah kebesaran lain tidak membawa banyak erti buatnya.

"Selagi boleh bercakap saya akan bercakap. Umur dah 93 tahun, tak berapa banyak (masa) tinggal, cuma nak buat kerja sampai mati, bintang-bintang lain tak elok (bagi saya).

"Bintang yang elok ialah KSM, itu bintang yang saya minati," katanya.